

Headline	Peranan petugas media UUM sampaikan berita dihargai		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	13 May 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	U12	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	214 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,177
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,531



## Peranan petugas media UUM sampaikan berita dihargai

**KUBANG PASU** - Semua wartawan dan jurugambar yang bertugas di Seksyen Media Universiti Utara Malaysia (UUM) diraikan oleh Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Bank Simpanan Nasional (BSN) kampus ini sebagai tanda penghargaan kepada petugas media berkenaan.

Majlis diserikan dengan persembahan kebudayaan Malaysia dan penampilan artis tempatan, Fauziah Nawi yang dibawa oleh Unifilm kampus berkenaan.

Pengetua DPP BSN, Mejar (K) Shahrin Ahmad berkata, peranan media universiti itu

mangsa banjir dan lain-lain.

Wakil media kampus, Samsudin Oli Mohamed bangga kerana DPP BSN mengadakan program seumpamanya bagi menghargai peranan wartawan dan jurugambar.

"Saya melihat jalinan kerjasama yang diberikan setiap DPP membantu memudahkan liputan dan hebahan berita untuk disediakan," katanya.

Sempena majlis itu, semua tetamu dihiburkan dengan persembahan kebudayaan kaum Cina, India dan Melayu.

Program ini juga mendapat kerjasama daripada Unifilm UUM.

dihargai kerana sumbangan mereka yang menjadi medium dan perantara dalam menyampaikan hebahan dan berita kepada umum termasuk media tempatan.

"Sesungguhnya peranan mereka memberi suntikan kepada pelajar di DPP ini melalui berita dan gambar yang disiarkan khususnya dan UUM umumnya, untuk terus bersemangat menjalankan pelbagai aktiviti yang dirancang," katanya.

Beliau berkata, pasukan media itu perlu dihargai kerana liputan mereka bukan sahaja dalam kampus, malah ada kalanya mengikut aktiviti pelajar ke hutan, membantu



Samsudin Oli (kanan) menerima jaket daripada Shahrin (kiri).